

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN  
(KAMPAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.03.2017**

**Y.B. DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) apa jumlah wang yang dilaburkan oleh KWSP dalam penyenaian IPO FELDA Global Ventures Holdings dan berapakah kerugian yang ditanggung oleh KWSP ke atas pelaburannya selepas harga saham FGV jatuh ; dan

(b) sama ada Tabung Haji dan KWAP akan mengurangkan pegangan masing-masing dalam FGV untuk mengelakkan kerugian seterusnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 28 Jun 2012, syarikat

Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGVH) telah disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia. Prospek penyenaian FGVH adalah amat positif ketika itu, disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut :

(i) FGVH merupakan syarikat perladangan keempat terbesar di dunia dan kedua terbesar di Malaysia dengan jumlah keluasan ladang FGVH adalah sebanyak 412,249 hektar, yang mana 86 peratus daripadanya, iaitu 355,864 hektar terletak di Malaysia;

(ii) FGVH juga merupakan pengeluar minyak kelapa sawit ketiga terbesar di dunia dan hasil pengeluaran sawit dijangka meningkat bagi tempoh tiga hingga lima tahun akan datang; dan

(iii) Pertumbuhan masa hadapan syarikat yang dijangka akan dipacu oleh penambahbaikan operasi dalaman serta pengembangan syarikat melalui pertumbuhan secara organik dan pemilikan aset-aset yang berprospek positif.

Justeru, berdasarkan penilaian yang terperinci terhadap prospek-prospek yang dikenalpasti, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah membuat keputusan untuk melabur di dalam syarikat ini. Pegangan awal KWSP ketika terbitan awal ini adalah sebanyak 164,166,188 unit atau 4.50 peratus dan bersandarkan pada keputusan kewangan yang memberangsangkan dan pemantauan yang teliti, KWSP telah meningkatkan pegangan keseluruhan

sehingga 8.49 peratus setakat 30 September 2013.

Pihak KWSP telah melupuskan keseluruhan pegangan saham dalaman di dalam FGVH pada 3 Ogos 2016 dan mencari peluang pelaburan baru ke dalam syarikat yang mempunyai pelaksanaan strategi yang lebih mantap serta prospek pertumbuhan yang lebih cerah. KWSP telah mengalami kerugian nyata dalam pasaran sebanyak RM203.18 juta. Bagaimanapun, KWSP telah menerima pendapatan dividen sebanyak RM105.77 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP sentiasa memantau syarikat-syarikat yang dilaburkan agar sentiasa memenuhi kriteria-kriteria pelaburan KWSP yang ketat terutamanya syarikat-syarikat yang mempunyai '*fundamental*' yang kukuh dalam menjamin pendapatan pelaburan yang stabil. Walau bagaimanapun, pertimbangan akan diberikan kepada syarikat-syarikat yang hanya mengalami prestasi kewangan yang lemah tetapi berpotensi untuk kembali pulih dalam jangka masa yang pendek. Manakala bagi syarikat-syarikat yang menunjukkan kemerosotan prestasi kewangan yang berterusan serta pengurusan syarikat yang kekal lemah, KWSP akan mengurangkan atau melupuskan keseluruhan pegangan dalam syarikat tersebut setelah analisa yang terperinci dilakukan. Pihak

KWSP sentiasa komited dalam menjamin dan meningkatkan simpanan ahlinya dengan mengambil pendekatan berhemah dalam setiap keputusan pelaburan dan tadbir urus korporat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaburan Lembaga Tabung Haji (TH) dalam FGV sentiasa dinilai dari masa ke semasa. TH berkeyakinan bahawa FGV akan mencatatkan pemulihan prestasi pada tahun ini dan pada masa akan datang. Pemulihan ini akan didorong oleh penambahbaikan daripada segi pengeluaran dan program-program yang dilaksanakan yang dijangka akan membuahkan hasil yang positif kepada syarikat berkenaan.

Manakala, Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) pula akan sentiasa memantau keadaan pasaran dan prestasi FGV untuk memastikan pelaburan mereka akan mendatangkan keuntungan yang setimpal.